



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS
ARAS 2, BLOK E2,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8884 9190
Faks: 03-8888 6659-6670
Laman Web://www.moe.gov.my

Ruj Kami : KPM.100-1/7/83 (3)
Tarikh : 30 Mei 2019

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

PELAN CADANGAN PANDUAN PELAKSANAAN PENGURUSAN PROGRAM PEMULIHAN KHAS TAHUN 2019

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia bersama-sama pihak Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri sentiasa memastikan pelaksanaan program pemulihan khas semua sekolah akur kepada surat siaran serta Garis Panduan Pelaksanaan Program Pemulihan Khas yang berkuatkuasa. Pelaksanaan pengurusan program pemulihan khas hendaklah dilaksanakan selaras dengan pelan cadangan tahap penguasaan murid di kelas pemulihan khas.

3. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan matlamat ini dicapai, pihak YBhg. Datuk/tuan/puan hendaklah memanjangkan maklumat berikut kepada semua sekolah serta pegawai bertanggungjawab di bawah pentadbiran tuan untuk tindakan selanjutnya. Dokumen-dokumen di bawah boleh dimuat turun melalui laman sesawang www.moe.gov.my/index.php/my/pendidikan-khas/program-pemulihan-khas.

3.1 Pelan Cadangan Panduan Pelaksanaan Pengurusan Program Pemulihan Khas Tahap 1 – Lampiran A.

3.2 Pelan Cadangan Panduan Pelaksanaan Pengurusan Program Pemulihan Khas Tahap 2 – Lampiran B.

Ralat:
<https://www.moe.gov.my/index.php/muat-turun/pendidikankhas/program-pemulihan-khas/muat-turun-ppk>



3.3 Pelan Cadangan Panduan Pelaksanaan Pentaksiran Tahap Penguasaan Murid Dalam Program Pemulihan Khas 2019 – Lampiran C.

3.4 Takwim Pelaksanaan Pentaksiran Tahap Penguasaan Murid Dalam Program Pemulihan Khas 2019 – Lampiran D.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, pihak YBhg. Datuk/tuan/puan boleh menghubungi **Encik Suhaimee bin Sulaiman** di talian **03-88849152/019-7307727**.

Kerjasama dan keprihatinan pihak YBhg. Datuk/tuan/puan berkaitan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. YASMIN BINTI HUSSAIN)

Pengarah

Bahagian Pendidikan Khas

Kementerian Pendidikan Malaysia

suhaimee/pelancadanganpelaksanaanprogpemulihankhas/D